

**SEKILAS MENGENAI
PERKHIDMATAN BKNK JHES KHEU
BERKAITAN PERMOHONAN POLIGAMI
DAN PENGENDALIAN TAKLIMAT KEPADA
SETIAP PEMOHON, ISTERI DAN
BAKAL ISTERI PEMOHON**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ


BORANG PERMOHONAN POLIGAMI

The image shows two forms for polygamy application. The green form on the left is from the Islamic Religious Affairs Office (KEMENTERIAN AGAMA) and is titled 'BORANG PERMOHONAN POLIGAMI'. It contains fields for the applicant's name, address, and other personal details. The white form on the right is from the Ministry of Religious Affairs (KEMENTERIAN AGAMA) and is titled 'BORANG PERMOHONAN POLIGAMI'. It contains fields for the applicant's name, address, and other personal details, as well as a section for the religious leader's signature and stamp.

TATA CARA PENGENDALIAN PERMOHONAN POLIGAMI

- Mengendalikan permohonan poligami dari pemohon.
- Menjelaskan perkara-perkara yang perlu mereka sediakan.
- Memandu pemohon-pemohon memenuhi borang poligami
- Menerima borang permohonan poligami yang diserahkan oleh pemohon.
- Mengedarkan borang borang permohonan yang telah dilengkapi oleh klien kepada Ketua Unit Bahagian Kursus Pra Nikah dan Poligami.

PERMOHONAN POLIGAMI:



PENGISIAN TAKLIMAT POLIGAMI

TAKLIMAT POLIGAMI

Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga,
Jabatan Hal Ehwal Syariah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama.



fppt.com

PENGERTIAN POLIGAMI

- ☐ Perkahwinan seorang lelaki melebihi seorang isteri dalam satu masa tetapi tidak melebihi empat orang isteri.



fppt.com

HUKUM POLIGAMI?



HARUS



fppt.com

HUKUM BERPOLIGAMI JUGA BOLEH MENJADI :

- | | |
|-----------|---|
| 1. SUNAT | Ketika suami menginginkan anak dan isteri pertamanya mandul sedangkan suami berkemampuan adil terhadap isteri-isterinya. |
| 2. MAKRUH | Bukan kerana keperluan tetapi hanya menambahkan keseronokan dan tiada kemampuan untuk berlaku adil terhadap isteri-isterinya. |
| 3. HARAM | Yakin tidak mampu berlaku adil terhadap isteri-isterinya kerana kemiskinan, kelemahannya, tidak mampu mengawal kecenderungan dan bersifat prejudis. |



fppt.com

Rasulullah ﷺ bersabda :

إني لست أحرم حلالا ولا أحل حراما ولكن والله لا تجتمع بنت رسول الله صلى الله عليه وسلم وبنت عدو الله مكانا واحدا أبدا

ertinya : “Sesungguhnya aku tidak mengharamkan sesuatu yang halal dan tidak juga menghalalkan sesuatu yang haram, tetapi demi Allah tidak berhimpun / berkumpul putri Rasulullah bersama putri musuh Allah pada satu orang (Ali Bin Abi Thalib)”. Dari sabda Rasulullah “aku tidak mengharamkan sesuatu yang halal”. Iaitu berpoligami yang dibolehkan dalam agama. Akan tetapi Rasulullah mengharamkan berpoligami kerana putri tersebut anak dari pada musuh Allah Ta'ala .

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)



fppt.com

DALIL MENGHARUSKAN POLIGAMI

□ Allah Ta'ala berfirman dalam surah An-Nisa, ayat 3 yang bermaksud :

فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعْوِلُوا

“Dan Kahwinilah wanita-wanita lain yang kamu senangi dua, tiga atau empat. Jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil maka (kahwinilah) seorang sahaja atau hamba sahaya yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya”.

(QS an-Nisa' [4]: 3).



fppt.com

❑ As Sunnah

Diriwayatkan dari Ibnu 'Abbas berkata kepada Sa'id ibni Jubair:

"Apakah kamu telah menikah?" Sa'id menjawab," Belum," lalu beliau berkata,"Menikahlah! Karena orang terbaik ummat ini paling banyak isterinya." [HR al Bukhari no. 5069]]



fppt.com

SYARAT-SYARAT BERPOLIGAMI

1. Berkemampuan untuk menanggung nafkah isteri-isteri

NAFKAH ZAHIR	NAFKAH BATIN
✓ Makan minum ✓ Pakaian ✓ Tempat tinggal ✓ Perubatan	✓ Memberi layanan ✓ Memberi Pendidikan



fppt.com

2. Berlaku Adil Kepada Isteri-isteri

Dari Abi Hurairah bahawasanya Nabi ﷺ bersabda : "*Barangsiapa yang mempunyai dua isteri, kemudian ia melebihkan kepada salah satunya, maka ia akan datang di hari kiamat dalam keadaan miring sebelah badannya.*" (HR Ahmad)

- Syariat Islam tidak menetapkan kadar nafkah minima atau maksimanya, ia cuma menetapkan kaedah umum iaitu :

- Nafkah yang mencukupi.
- Menurut kemampuan suami.
- Secara makruf, tidak mengurangi, tidak menyusahkan dan tidak membahayakan

ADIL DALAM PEMBERIAN
NAFKAH DAN TEMPAT
TINGGAL

ADIL DALAM MUSAFIR

ADIL DALAM GILIRAN
BERMALAM

fppt.com

ADIL DALAM PEMBERIAN NAFKAH DAN TEMPAT TINGGAL

- ❑ Kadar nafkah tiada hadnya (mengikut kemampuan suami).
- ❑ Konsep keadilan perlu diutamakan, walaubagaimanapun penambahan nafkah kepada salah seorang isteri dibolehkan sesuai dengan keadaan/keperluan isteri tersebut.
 - ❖ seperti isteri tersebut sedang sakit.
 - ❖ isteri tersebut mempunyai ramai anak.
- ❑ Tempat tinggal isteri sebolehnya hendaklah diasingkan sebagai suatu inisiatif mengelakkan perselisihan keluarga dan perasaan cemburu menular di kalangan isteri.

fppt.com

ADIL DALAM GILIRAN BERMALAM

- ❑ Suami wajib menentukan kadar giliran bermalam yang adil di antara isteri-isterinya.
- ❑ Hak giliran bermalam pada hari malam pengantin :
 - ❖ Status isteri jika anak dara = 7 malam
 - ❖ Status isteri jika janda = 3 malam

Di riwayatkan dari Anas Bin Malik r.a katanya, Rasulullah ﷺ telah bersabda yang bermaksud :

'Apabila seorang lelaki berkahwin dengan anak dara hendaklah bermalam dengannya selama tujuh malam dan sekiranya janda, hendaklah bermalam dengannya selama tiga malam'.

(Riwayat Muslim)



fppt.com

ADIL DALAM GILIRAN BERMALAM

- ❑ Mana-mana isteri boleh memberikan hak giliran bermalamnya kepada isteri lainnya dengan kerelaannya sendiri.

Ini bersandarkan kepada hadis Nabi ﷺ yang diriwayatkan dari Al-Bukhari yang bermaksud :

'Sawdah (isteri Rasulullah ﷺ) telah memberikan giliran beliau kepada Aisyah dan Rasulullah ﷺ telah bermalam bersama Aisyah dengan giliran beliau dan Sawdah'



fppt.com

ADIL DALAM MUSAFIR

- ❑ Suami wajib membuat undian diantara isteri-isteri sekiranya menginginkan salah seorang dari mereka menemaninya bermusafir.
- ❑ Tidak wajib menggantikan giliran bermalam kepada isteri yang sepatutnya mendapat hak pada masa musafirnya.
- ❑ Jika undian tidak dibuat dan tiada kerelaan mana-mana isteri, suami wajib menggantikan giliran bermalam tersebut.

Perkara ini telah disebut oleh Aisyah r.a menerusi hadis riwayat Al-Bukhari yang bermaksud :

'Nabi Muhammad ﷺ apabila keluar bermusafir, baginda akan menjalankan undian di antara isteri-isterinya'.



fppt.com

Allah Ta'ala berfirman dalam surat an-Nisa' ayat 129 :

وَلَنْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيلُوا كُلَّ الْمِيلِ فَتَنْزِرُوهَا كَالْمِغْلَقَةِ

ertinya: Sekali-kali kalian tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kalian walaupun kalian sangat menginginkannya. Oleh karena itu, janganlah kalian terlalu cenderung (kepada salah seorang isteri yang kalian cintai) hingga kalian membiarkan isteri-isteri kalian yang lain terkatung-katung.

(QS an-Nisa' [4]: 129).



fppt.com

Kesimpulannya Para Ulama menjelaskan seseorang yang hendak berpoligami hendaklah memerhatikan beberapa perkara ini:

1- Seorang yang mampu berbuat adil.

Seorang pengamal poligami, harus memiliki sikap adil di antara para isterinya. **Tidak boleh ia cenderung kepada salah satu isterinya.** Hal ini akan mengakibatkan kezaliman kepada isteri-isterinya yang lain. Nabi ﷺ bersabda yang ertinya, *"Siapa saja orangnya yang memiliki dua isteri lalu ia lebih cenderung kepada salah satunya, maka pada hari kiamat kelak ia akan datang dalam keadaan sebagian tubuhnya miring."* (HR. Abu Dawud, An-Nasa-i, At-Tirmidzi)

Selain adil, ia juga harus **seorang yang tegas.** Karena boleh jadi salah satu isterinya merayunya agar ia tetap bermalam di rumahnya, padahal malam itu adalah hak bermalam di tempat isteri yang lain. Maka ia harus tegas menolak rayuan salah satu isterinya untuk tetap bermalam di rumahnya. Jadi, jika ia tak mampu melakukan hal itu, maka cukup satu isteri saja. Allah Ta'ala berfirman (yang ertinya), **"...kemudian jika kamu takut tiada kemampuan untuk berlaku adil, maka nikahilah satu orang saja..."** (QS. An-Nisa: 3).



fppt.com

2- Tidak lalai beribadah kepada Allah

Seorang yang melakukan poligami, harusnya ia bertambah ketakwaannya kepada Allah, dan rajin dalam beribadah. Namun ketika setelah ia melaksanakan syariat tersebut, tapi malah **lalai beribadah, maka poligami tersebut menjadi fitnah baginya.** Dan ia bukanlah orang yang layak untuk melakukan poligami.

Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud, **"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya di antara isteri-isterimu dan anak-anakmu ada yang menjadi musuh bagimu, maka berhati-hatilah kamu terhadap mereka..."**

(QS. At-Taghabun: 14).



fppt.com

3- Mampu menjaga isteri-isterinya

Sudah menjadi kewajiban bagi suami untuk menjaga isterinya. Sehingga isterinya **terjaga agama dan kehormatannya**. Ketika seseorang berpoligami, secara automatik ia perlu menjaga lebih daripada seorang isteri **agar tidak terjerumus dalam keburukan dan kerosakan**.

Misalnya seorang yang memiliki tiga orang isteri, namun ia hanya mampu memenuhi keperluan biologis / keperluan seks halal untuk dua orang isterinya saja. Sehingga ia mengabaikan isterinya yang lain. Perkara seumpama ini adalah sebuah kezaliman / penganiyaan terhadap hak isteri. yang lebih parah terjadi, isterinya akan mencari kepuasan kepada selain suaminya (melakukan zina). Wal iyyadzubillah!

Padahal Nabi ﷺ bersabda yang ertinya, ***"Wahai para pemuda, siapa saja di antara kalian yang memiliki kemampuan untuk bernikah, maka menikahlah..."*** (HR. Al-Bukhari dan Muslim)



fppt.com

4- Mampu memberi nafkah zahir

Hal ini sangat jelas, kerana pengamal poligami, **wajib mencukupi keperluan nafkah zahir isteri-isterinya**. Bagaimana ia ingin berpoligami, sementara nafkah untuk seorang isteri saja belum mencukupi? Orang semacam ini tidak layak berpoligami.

Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud, ***"Dan orang-orang yang tidak mampu menikah, hendaklah menjaga kesucian (dirinya), sampai Allah memberikan kemampuan kepada mereka dengan kurnia-Nya..."***

(QS. An-Nur: 33).



fppt.com

ANTARA KEBAIKAN BERPOLIGAMI

Mengelakkan suami daripada melakukan maksiat.

Menambah bilangan zuriat.

Mendapatkan keturunan dan menghindari daripada berlakunya perceraian.

Mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui ikatan yang dijalinkan.

Mengurangkan kadar wanita yang berstatus andartu (anak dara tua).

Keperluan lelaki yang berhijrah jauh mencari rezeki.



fppt.com

KESAN BERPOLIGAMI

- o Bertambah bebanan dari segi tanggungjawab dan kewangan kepada suami.
- o Hilang kepercayaan isteri terhadap suami.
- o Menimbulkan persoalan mengenai sejauh manakah suami dapat bersikap adil kepada isteri-isterinya.
- o Suami cenderung untuk membuat perbandingan diantara isteri-isterinya.
- o Berkemungkinan berlakunya penganiayaan diantara isteri pertama dan madunya.



fppt.com

KESAN BERPOLIGAMI


- Wujud perasaan rendah diri dan perasaan cemburu dikalangan isteri-isteri.
- Wujud konflik antara keluarga dan anak-anak isteri pertama mahupun isteri kedua.
- Menimbulkan pelbagai spekulasi terhadap sebab sebenarnya suami ingin beristeri lagi.
- Pandangan negatif masyarakat tentang kegagalan dalam mengamalkan cara hidup berpoligami yang berkemungkinan mengundang kezaliman terhadap isteri-isteri tanpa disedari.



fppt.com

NASIHAT UNTUK SUAMI YANG BERPOLIGAMI

- Hendaklah sentiasa **bersikap adil terhadap isteri-isteri** dalam semua masalah, walaupun pun dalam permasalahan yang tidak wajib hukumnya.
- **Berlaku adillah terhadap semua anakmu dari semua isterimu.** Usahakanlah untuk selalu mendekatkan hati mereka, misalnya dengan menganjurkan isteri untuk menyusui anak dari isteri yang lain. Fahamkanlah kepada mereka bahwa mereka semua adalah saudara. Jangan biarkan ada peluang bagi syaitan untuk merosak hubungan mereka.
- **Sentiasa memuji dan menyebutkan kelebihan semua isteri,** dan tanamkanlah kepada mereka keyakinan bahawa tidak ada kecintaan dan kasih sayang yang abadi kecuali dengan mentaati Allah Ta'ala dan mencari keredhaan suami.



fppt.com

NASIHAT UNTUK SUAMI YANG BERPOLIGAMI

- Elakkan daripada menceritakan ucapan salah seorang dari mereka kepada yang lain. **Janganlah menceritakan sesuatu yang bersifat rahsia**, kerana rahsia itu akan cepat tersebar dan disampaikannya kepada isteri yang lain, atau dia akan membanggakan diri bahawa dia mengetahui rahsia suami yang tidak diketahui isteri-isteri yang lain.
- Elakkan daripada memuji kelebihan salah seorang isteri dihadapan isteri yang lain. Kerana ini boleh mengundang permusuhan serta kebencian di antara mereka.
- Tegurlah / laranglah isterimu jika dia menceritakan kepadamu tentang keburukan isteri-isterimu yang lain supaya mereka tidak saling memburukkan antara satu dengan yang lain dan janganlah kamu terus mempercayai apa yang dikatakannya.



fppt.com

NASIHAT UNTUK ISTERI PERTAMA

- ☐ Bertakwalah kepada Allah dan bersabarlah, dan ketahuilah bahwa sikap menentang dan tidak menerima akan membahayakan bagi agama dan kehidupanmu.
- ☐ Perbaikilah semua kekuranganmu yang diingatkan oleh suamimu. Kerana boleh jadi itu merupakan sebab dia berpoligami. Kalau kekurangan-kekurangan tersebut berhasil kamu benahi / penuhi maka bersyukurlah kepada Allah Ta'a/a atas petunjuk-Nya.
- ☐ Berikanlah perhatian besar kepada suamimu dan sering-seringlah memujinya, baik di hadapan atau di belakangnya, terutama di hadapan keluargamu atau teman-temanmu, kerana ini termasuk hal yang boleh memperbaiki hati dan lisanmu, serta menyebabkan keredhaan suami padamu. Dengan itu kamu akan menjadi teladan yang baik bagi para wanita yang menentang dan mengingkari syariat poligami, atau mereka yang merasa disakiti ketika suaminya berpoligami.



fppt.com

NASIHAT UNTUK ISTERI PERTAMA


- ❑ Elakkan dari mendengarkan ucapan orang jahil yang punya niat buruk dan ingin membuatkan permusuhan antara kamu dengan suamimu, atau dengan madumu. Janganlah kamu mudah menyimpulkan sesuatu yang kamu dengar sebelum kamu meneliti / siasat kebenaran berita tersebut.
- ❑ Janganlah kamu menanamkan kebencian dan permusuhan di hati anak-anakmu kepada isteri-isteri suamimu dan anak-anak mereka, karena mereka adalah saudara dan sandaran anak-anakmu. Ingatlah bahwa tipu daya yang buruk hanya akan menimpa pelakunya.
- ❑ Janganlah kamu merubah sikap dan perlakuanmu terhadap suamimu. Janganlah biarkan dirimu menjadi bahan permainan syaitan, serta mintalah pertolongan dan berdolah kepada Allah Ta'a/a agar Dia menguatkan keimanan dan kecintaan dalam hatimu.



fppt.com

NASIHAT UNTUK BAKAL ISTERI YANG DINIKAHI


- ❖ Ketahuilah bahwa kerelaanmu dinikahi oleh seorang yang telah beristeri adalah kebaikan yang besar dan menunjukkan kuatnya iman dan takwa dalam hatimu, insya Allah. Fahamilah ini semua dan **harapkanlah ganjaran pahala dari Allah atas semua itu.**
- ❖ **Gunakanlah waktu luangmu** ketika suamimu berada di rumah isterinya yang lain dengan **membaca al-Qur'an**, mendengarkan ceramah-ceramah agama yang bermanfaat, dan membaca buku-buku yang berfaedah, atau gunakanlah untuk membersihkan rumah dan merawat diri.
- ❖ **Jadilah diri sendiri sebagai da'i(penyeru)** manusia ke jalan Allah Ta'a/a dalam mematuhi hukum-Nya yang mulia ini. Fahamkanlah mereka tentang hikmah-Nya yang agung dalam syariat poligami ini. Janganlah menjadi penghalang bagi para wanita untuk menerima syariat poligami ini.



fppt.com

NASIHAT UNTUK BAKAL ISTERI YANG DINIKAHI

- ❖ Bersedialah untuk membantu madumu/isteri suamimu yang lain dan anak-anak mereka jika mereka memerlukan pertolonganmu. Karena perbuatan baikmu kepada mereka bernilai pahala yang agung di sisi Allah dan menjadikan suami redha kepadamu, serta akan menumbuhkan kasih sayang di antara kamu dan mereka.
- ❖ Janganlah kamu menceritakan kekurangan dan keburukan madu mu/ isteri suami yang lain. Jangan pernah menceritakan kepada orang lain bahwa suami berpoligami karena tidak menyukai isterinya yang pertama, karena ini semua termasuk perangap syaitan.
- ❖ Elakkan menimbulkan permusuhan antara suami dengan isterinya yang lain, agar dia semakin sayang padamu. Karena ini adalah perbuatan *namimah* (mengadu domba) yang merupakan dosa besar. Berusahalah untuk selalu mengalah kepadanya, karena ini akan mendatangkan kebaikan yang besar bagi dirimu.



fppt.com

Hamka (Penulis Tafsir Al Azhar) diberi nasihat oleh seorang gurunya :

Seorang antara guru ku yang beristeri lebih dari seorang (yang berpoligami), pernah memberi nasihat kepada ku waktu masih muda: "Cukuplah isteri mu satu itu saja wahai Abdul Malik, aku telah beristeri dua. Kesukarannya baru aku rasai setelah terjadi. Aku tidak bisa mundur lagi. Risiko ini akan aku pikul terus sampai salah seorang dari kami bertiga meninggal dunia. Aku tidak akan menceraikan salah seorang antara mereka, kerana kesalahan mereka tidak ada. Anak Ku dengan mereka berdua banyak. Tetapi aku siang malam penderita hati. Bagi orang lain ini mudah sahaja. Kalau tidak senang kepada salah satu, cari saja sebab yang kecil, lalu lepaskan, maka terlepaslah diri dari tekanan berat. Kalau terjadi demikian, kita telah meremuk rendamkan hati seorang ibu yang dilantarkan. **Janganlah beristeri lebih dari satu hanya dijadikan semacam percubaan**, sebab kita berhadapan dengan seorang manusia jenis perempuan. Hal ini menjadi sulit bagi ku, kerana aku adalah aku, kerana aku adalah guru mu dan guru orang banyak. Aku lemah dalam hal ini, wahai Abdul Malik. Aku ingin engkau bahagia. Aku ingin engkau jangan membuat kesulitan bagi dirimu.



fppt.com

PERINGATAN

Keharusan berpoligami itu akan bertukar menjadi pengalaman pahit :

- ✓ Jika pengamalnya tidak mendalami ilmu sebelum berpoligami.
- ✓ Jika pengamalnya tidak mengikuti ajaran Al-Quran dan As-Sunnah apabila berpoligami.
- ✓ Jika pengamalnya bertujuan untuk mengkhianati wanita atau menzaliminya.
- ✓ Jika pengamal berpoligami berdasarkan nafsu semata-mata.
- ✓ Jika pengamalnya tidak pandai untuk menguruskan rumahtangga.



fppt.com

Dalam poligami, isteri juga boleh mendapat dosa jika

1. Isteri menghalang suaminya bagi memenuhi giliran pada isteri yang lain.
2. Isteri menggauli suaminya padahal dia tahu hari tersebut bukan gilirannya.
3. Isteri menyekat madunya daripada mendapat manfaat, nafkah dan sebagainya.
4. Isteri bersangka buruk terhadap suaminya ataupun madunya lalu mengintip gerak-gerinya.

- 
- Menyebabkan madunya hilang hak kenikmatan hidup berkeluarga.
 - Jika isteri tersebut tidak bertaubat, jaminan tempatnya adalah neraka.



fppt.com

PERMASALAHAN POLIGAMI YANG DIHADAPI BKNK JHES KHEU

I

SUAMI TIDAK ADIL

II

SUAMI TIDAK MENUNAIKAN HAK DALAM
PEMBERIAN NAFKAH

III


ISTERI ENGGAN DIMADU



fppt.com

Adapun mengenai poligami seperti yang ditetapkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam penggal 217 di Brunei Darussalam ialah:

1. Permohonan suami yang hendak berpoligami hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga mengikut prosedur/ proses/ cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan pengisian borang permohonan poligami.
2. Borang tersebut hendaklah mengandungi alasan-alasan mengapa perkahwinan poligami ini patut dan perlu, laporan tentang keadaan kewangan suami dengan memberikan butiran lengkap mengenai segala komitmennya dan tanggungan kewangannya yang patut serta bilangan tanggungan termasuk orang yang akan ditanggungnya berikutan dengan perkahwinan baru yang dicadangkan.
3. Pemohon perlu menyatakan sama ada telah mendapat atau tidak, izin atau pandangan isteri atau isteri-isteri mengenai cadangan perkahwinan tersebut.
4. Pemohon hendaklah mengikuti taklimat poligami yang di kendalikan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga JHES, KHEU.
5. Hasil taklimat poligami dan laporan akan disediakan oleh Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga JHES dan akan diberikan kepada pemohon untuk berurusan lanjut dengan pihak Pendaftar Mahkamah Syariah.
6. Kebenaran berpoligami di Negara Brunei Darussalam adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah Syariah.



fppt.com

Prosedur Permohonan Poligami

Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan mereka dan menghadapkannya sendiri (tidak boleh berwakil) ke Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut.

- Salinan Pengenalan/Kad Pintar isteri/isteri-isteri dan bakal isteri pemohon.
- Salinan Sijil/Sijil-sijil Nikah pemohon.
- Penyata pendapatan/slip gaji (*payslip*) pemohon yang terkini bagi tujuan butiran pendapatan pemohon .
- Surat tunjuk sebab yang menyatakan alasan pemohon beristeri lebih daripada seorang isteri.
- Salinan Pengenalan/Kad Pintar pemohon (suami)
- Setiap permohonan yang lengkap akan dikendalikan oleh Pegawai Penasihat sepertimana yang ditetapkan oleh Ketua Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga.



fppt.com

Sambungan....


- Pemohon, isteri/isteri-isteri, dan bakal isteri pemohon akan dipanggil oleh Pegawai Penasihat yang ditugaskan untuk diberikan Taklimat Khas mengenai Perkahwinan Poligami.
- Setelah selesai memberikan taklimat kepada yang pihak-pihak berkenaan Pegawai Penasihat akan menyediakan laporan hasil perjumpaan dan dihadapkan kepada Ketua Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga bagi proses peringkat mahkamah.
- Pemohon yang telah selesai diberikan taklimat poligami bolehlah mengambil Borang Permohonan Poligami di alamat berikut.

**Bahagian Mahkamah,
Mahkamah Rendah Syariah,
Jabatan Kehakiman Negara,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**




fppt.com

Proses Poligami di BKNK




fppt.com

Borang permohonan poligami



fppt.com

Statistik Kursus-Kes Mal-Permohonan Poligami (2009-2016)



fppt.com

17,303 anak luar nikah didaftar 2009

KUALA LUMPUR, 10 Mac 2010 – Anak luar nikah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Anak Luar Nikah 1980 sebanyak 17,303 orang pada tahun 2009. Anak luar nikah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Anak Luar Nikah 1980 sebanyak 17,303 orang pada tahun 2009. Anak luar nikah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Anak Luar Nikah 1980 sebanyak 17,303 orang pada tahun 2009.

Poligami mampu lanjut usia: Kajian

Jangka hayat lelaki lebih 12 peratus lebih panjang

LONGKON: Surai pengkaji-kaji terbaru mendedahkan bahawa lelaki yang hidup di dalam budaya masyarakat poligami lebih panjang umurnya berbanding mereka yang hidup dalam masyarakat monogami. Kajian ini dilakukan oleh Universiti Sheffield, Virgi Lumen, berkata sebagai matriki perbandingan evolusi, kajian beliau mendapati lelaki ber-

Poligami panjang umur

Tenaga batin lelaki antara faktor kajian di 140 negara

LONGKON: Surai pengkaji-kaji terbaru mendedahkan bahawa lelaki yang hidup di dalam budaya masyarakat poligami lebih panjang umurnya berbanding mereka yang hidup dalam masyarakat monogami. Kajian ini dilakukan oleh Universiti Sheffield, Virgi Lumen, berkata sebagai matriki perbandingan evolusi, kajian beliau mendapati lelaki ber-

Sinar

Insentif Poligami

Poligami dapat RM10,000

“Sebaik-baiknya WANITA adalah yang taat pada Allah dan patuh pada suaminya. Dan sebaik-baiknya LELAKI adalah yang taat pada Allah dan memulakan istrinya.”

Poligami

Chin & Mustafa Saif

fppt.com

JAKIM sahkan suami tak perlu minta izin

Keputusan benar poligami budi bicara Mahkamah Syariah

Oleh Naima Khairi

14 Januari 2014

14 Januari

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengesahkan bahawa undang-undang syariah di Malaysia memberi hak kepada suami berpoligami tanpa perlu meminta kebenaran isteri.

Kerusi Pengarah JAKIM, Datuk عثمان Mustapha, berkata sebaliknya keputusan sama ada lelaki berpoligami atau tidak bergantung kepada budi

niarah Mahkamah Syariah. Bagaimanapun, beliau berkata kebanyakannya Mahkamah Syariah akan membolehkan isteri untuk membolehkan suami hak berpoligami satu lagi.

"Mungkin isteri perundingan."

Sebelum ini, JAKIM melaporkan, Presiden Persatuan Pengguna-Pegawai Modis Malaysia (PPPM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, dipetik sebagai berkata suami yang mahu berpoligami lebih daripada satu tidak perlu meminta kebenaran isteri pertama kerana ia tidak terkandung dalam enam elemen syariah di semua negeri.

Perlu buat permohonan

"Bagaimanapun, isteri mahu lelaki yang mahu berpoligami perlu membuat permohonan ke Mahkamah Syariah bagi membolehkan suami ada layak atau tidak berpoligami lebih dari satu," katanya ketika di temui di sini.

Utusan kemudiannya melaporkan media mengenai wakil Islam di Pulau Pinang tidak membolehkan kebenaran isteri pertama untuk berpoligami.

Dalam laporan itu, Pengarah Jabatan Agama Islam Po-

lusi Pinang (JAPI), Datuk Saiful Husaini, berkata enam elemen syariah negeri tidak mempunyai perantaraan undang-undang untuk mendapatkan kebenaran isteri pertama.

Sebelum ini, JAKI melaporkan, Presiden Persatuan Pengguna-Pegawai Modis Malaysia (PPPM), Datuk Zainul Rijal Abu Bakar, dipetik sebagai berkata suami yang mahu berpoligami lebih daripada satu tidak perlu meminta kebenaran isteri pertama kerana ia tidak terkandung dalam enam elemen syariah di semua negeri.

Amatli masa 11 hari

Sebaliknya, mengikut sekiranya Enakmen Keluarga Islam yang hampir seragam di semua negeri, suami diberikan hak berpoligami dan isteri perlu mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Syariah.

Zainul Rijal berkata permohonan mengambil masa hampir 11 hari dan akan dinilai oleh Mahkamah Syariah sebelum mendapat kebenaran.

"Tetapi dalam semua di mahkamah, kita juga akan buat perkahwinan, berpoligami suami, boleh berlaku sili dan tidak mendampingi berpoligami pada isteri."

Mengikut sistem perundangan Islam

suami memang tidak perlu meminta kebenaran isteri untuk berpoligami lebih daripada satu atau berpoligami."

عثمان Mustapha,

Kerusi Pengarah JAKIM



fppt.com

Persoalan:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ustaz, maaf ingin bertanya tentang derajat hadits yang menjelaskan bahwa seorang wanita yang mengizinkan suaminya berpoligami akan diberikan ganjaran berupa payung emas di dalam Surga? Mohon jawabannya. Syukran.

Jawaban:

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bismillah. Sebatas pengetahuan kami TIDAK ADA Hadits Shohih maupun Hadiths Dho'if dari Nabi ﷺ yg menerangkan tentang keutamaan dan pahala berupa payung emas di dalam Syurga yang akan didapatkan oleh seorang isteri bilamana ia memberikan izin dan ridha kepada suaminya untuk menikah lagi (berpoligami). Wallahu a'lam bish-shawab. Wabillahi at-Taufiq. (Klaten, 30 Januari 2014)

Menurut kawan saya bekas ahli kumpulan Al Arqam yang telah di fatwakan sesat oleh JAKIM, menurut kumpulan itu hadits mengenai payung emas ini ada dalam **Kitab Muhimmah** yang menjadi rujukan ahli kumpulan itu (AL ARQAM). Jadi tak hairanlah bila kita tengok ahli kumpulan itu begitu cepat berkembang kerana salah satu tarikan dalam ajaran kumpulan itu adalah poligami atau dalam bahasa tak beradabnya: SEKS! Dalam ajaran kumpulan itu, isteri yang mencarikan madu, mendapat 7 payung emas di syurga- wallahu'lam.

fppt.com